

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah permohonan yang berjaya ditawarkan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bagi merealisasikan hasrat mereka yang mahu memiliki rumah pertama.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

PPA1M adalah satu skim rumah mampu milik untuk penjawat awam bagi membantu penjawat awam membeli dan memiliki rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik dengan harga yang rendah daripada harga pasaran. Sebanyak 100,000 unit rumah PPA1M disasarkan menjelang tahun 2018.

Projek PPA1M di seluruh Malaysia sedang dalam pelbagai peringkat perancangan. Sebanyak 82,012 unit rumah PPA1M telah diluluskan melibatkan 148 buah projek dan akan diiklan secara berperingkat. Sehingga 23 Mei 2016, sebanyak 39 buah projek telah ditawarkan dan diiklankan melibatkan 19,263 unit rumah untuk penjawat awam. Daripada jumlah tersebut 13,250 unit adalah projek PPA1M di dalam Putrajaya dan selebihnya sebanyak 6,013 unit dari seluruh Malaysia selain daripada Putrajaya.

Kesemua unit rumah tersebut telah ditawarkan secara online dan melalui proses cabutan undi. Manakala jumlah permohonan yang telah diterima adalah sebanyak 51,969 permohonan.

Sekian, terima kasih.